



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar  
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033  
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my  
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 Jilid 2 (1)  
Tarikh : 19 Januari 2026

## Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

### EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2026 MENGENAI PENYELARASAN KADAR BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 1 Tahun 2026 mengenai Penyelarasan Kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) seperti mana surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ruj: JPA.(S)S00-4/2/51 (16) bertarikh 19 Disember 2025 dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUK), Ruj: SUKPHG-1/100-9/1/9 Jld. 11 (5) bertarikh 6 Januari 2026 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Kebajikan, Pusat Pengurusan Bakat, Jabatan Pendaftar:

Puan Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali  
Pegawai Tadbir / Eksekutif  
Tel : 09-431 6363  
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)**

Pengarah Kanan  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



## SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Yatimah binti Alias**  
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
11. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
12. **Ketua Pegawai Maklumat**
13. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
14. **Semua Pengarah Kanan/ Pengurus Besar**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Pengurus Kanan/ Ketua Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

## PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2026

---

### PENYELARASAN KADAR BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP KEPADA PEGAWAI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

#### TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan Penyelarasan Kenaikan Kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH) bagi Daerah Kuantan Sempena Pemasyhuran Kuantan sebagai Bandaraya dan Daerah Pekan yang telah dinaik taraf sebagai Perbandaran kepada pegawai di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

#### LATAR BELAKANG

- 2.0 Melalui surat edaran Pejabat Kesetiausahaan Kerajaan Pahang dengan nombor rujukan SUKPHG-1.100-9/1/9 Jld. 10 (29) bertarikh 23 September 2025 telah memaklumkan berkenaan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang mengenai cadangan kenaikan kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup bagi Daerah Kuantan sempena Pemasyhuran Kuantan sebagai Bandaraya dan Daerah Pekan yang telah dinaik taraf sebagai Perbandaran.
- 3.0 Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 7 Tahun 2025 bertarikh 13 Disember 2025 bersetuju meluluskan cadangan kenaikan Kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup bagi Daerah Kuantan sempena Pemasyhuran Kuantan sebagai Bandaraya dan Daerah Pekan

yang telah dinaik taraf sebagai Perbandaran bagi Pegawai di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

- 4.0 Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ruj: JPA.(S)S00-4/2/51 (16) bertarikh 19 Disember 2025 memaklumkan bahawa tiada halangan untuk kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup ditetapkan daripada kadar kawasan B kepada kadar Kawasan A bagi Majlis Bandaraya Kuantan dan Kadar Kawasan Lain kepada kadar kawasan B bagi Majlis Perbandaran Pekan. Pelaksanaan tersebut berkuat kuasa serta merta.

## PELAKSANAAN

- 5.0 Pegawai yang Layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
- ii. lantikan tetap, sementara, kontrak (Contract of Service) dan guru interim;
- iii. diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
- iv. diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
- v. diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.

- 6.0 Pegawai yang Tidak Layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:

- i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- ii. memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- iii. pegawai *Contract for Service*;
- iv. dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
- v. berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- vi. dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;

- vii. dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
- viii. diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; atau
- ix. bercuti tanpa gaji.

7.0 Kenaikan kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH) bagi daerah Kuantan adalah mengikut kadar seperti di Kawasan A iaitu:

<b>KADAR SEBULAN (RM)</b>	
<b>Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>	<b>Kumpulan Pelaksana</b>
300	350

8.0 Kenaikan kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH) bagi daerah Pekan adalah mengikut kadar seperti di Kawasan B iaitu:

<b>KADAR SEBULAN (RM)</b>	
<b>Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>	<b>Kumpulan Pelaksana</b>
250	300

## **TARIKH KUAT KUASA**

9.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 19 Disember 2025.

## **MAKLUMAT PERTANYAAN**

10.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini, mohon dikemukakan kepada:

Unit Perkhidmatan dan Kebajikan,  
 Pusat Pengurusan Bakat,  
 Jabatan Pendaftar  
 E-mel Rasmi : [saraan.bsm@umpsa.edu.my](mailto:saraan.bsm@umpsa.edu.my)

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)**

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh :

16/11/26



قجابت ستياوسها كراجاءن قهغ  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG  
WISMA SRI PAHANG  
25503 KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-5126600  
Faks : 09-5726174  
Laman Web : [www.pahang.gov.my](http://www.pahang.gov.my)  
E-mel : [sukkorporat@pahang.gov.my](mailto:sukkorporat@pahang.gov.my)

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : SUKPHG-1.100-9/1/9 Jld.11 (5)

Tarikh : 6 Januari 2026

**Semua Ketua Jabatan Negeri di Daerah Kuantan dan Daerah Pekan**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan di Daerah Kuantan dan Daerah Pekan**

**Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan**

**Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan**

**Semua Badan Berkanun Negeri di Daerah Kuantan dan Daerah Pekan**

**Semua Badan Berkanun Persekutuan di Daerah Kuantan dan Daerah Pekan**

Sahibus Samahah Prof Dato' Dr./ YAA Dato'/YB Dato' Indera/ YBhg. Datuk/  
YH Dato'/Tuan/Puan

**PENYELARASAN KADAR BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP BAGI PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI DAERAH  
KUANTAN DAN PEKAN**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ruj: JPA.(S)800-4/2/51 (16) bertarikh 19 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tiada halangan untuk kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) ditetapkan daripada kadar Kawasan B kepada kadar Kawasan A bagi daerah Kuantan Sempena Pemasyhuran Kuantan sebagai Bandaraya dan kadar Kawasan Lain kepada kadar Kawasan B bagi daerah Pekan yang telah dinaik taraf sebagai Perbandaran berkuat kuasa serta merta dari tarikh surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dikeluarkan.

3. Bersama-sama in disertakan salinan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ruj: JPA.(S)800-4/2/51 (16) untuk tindakan pihak Sahibus Samahah Prof Dato' Dr./ YAA Dato' YB Dato' Indera/ YBhg. Datuk/ YH Dato'/ tuan/ puan selanjutnya.

...2/-




4. Semoga perkara ini dalam makluman dan perhatian pihak Sahibus Samahah Prof Dato' Dr./ YAA Dato' YB Dato' Indera/ YBhg. Datuk/ YH Dato'/ tuan/ puan jua.

Sekian, terima kasih.

**“MUDAH, CEPAT, TELUS”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(JUZILAWATI BINTI KAMARUDIN)**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG.

☎ : 09-5165963  
☎ : 09-5149503  
✉ : juzilawati@pahang.gov.my

s.k:

- i. Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan)
- ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pembangunan)
- iii. Pegawai Khas  
YB Setiausaha Kerajaan Pahang

} Untuk makluman  
YB Dato' Sri/  
YH Dato'



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
*Public Service Department, Malaysia*  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel 603-80008000  
Faks (Fax) 603-88892187  
Laman Web (Web) [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA.(S)800-4/2/51(16)

Tarikh : 19 Disember 2025

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Yang Dipertua Majlis Bandaraya Kuantan

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan

Semua Ketua Jabatan Persekutuan di kawasan Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Perbandaran Pekan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun di kawasan Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Perbandaran Pekan

YB Dato' Sri/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENYELARASAN KADAR BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP BAGI  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI  
KUANTAN DAN PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Sri/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YB Dato' Sri/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan pemberian Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) dengan kadar yang ditetapkan mengikut kawasan berdasarkan sempadan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan

Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (**Rujukan: E4-U4**, muka surat 25/197 sehingga 28/197).

3. Sehubungan itu, berikutan pertukaran taraf Majlis Perbandaran Kuantan kepada Majlis Bandaraya Kuantan pada **21 Februari 2021** dan Majlis Daerah Pekan kepada Majlis Perbandaran Pekan pada **30 Julai 2023**, Jabatan ini tiada halangan untuk kadar BISH ditetapkan daripada kadar Kawasan B kepada kadar Kawasan A bagi Majlis Bandaraya Kuantan dan kadar Kawasan Lain kepada kadar Kawasan B bagi Majlis Perbandaran Pekan. Pelaksanaan tersebut berkuat kuasa serta merta.

4. Segala kerjasama dan perhatian pihak YB Dato' Sri/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

**s.k.:**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan  
Tingkat 4, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2  
62592 Wilayah Persekutuan  
**PUTRAJAYA**

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara  
Sektor Pengurusan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 1-9, Blok F2&F3, Kompleks F  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Wilayah Persekutuan  
**PUTRAJAYA**

Ketua Akauntan Negara  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 6, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Wilayah Persekutuan  
**PUTRAJAYA**